

16 FEB 1998

SYARIKAT-SYARIKAT KANSAI NAK TERUS MELABUR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) hari ini memberi jaminan kepada kerajaan Malaysia bahawa anggotanya akan terus melabur di Malaysia meskipun masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara ketika ini.

Dalam memberikan jaminan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusinya, Yasuo Shingu, berkata anggota persekutuan itu yakin terhadap ekonomi negara dan tidak bercadang untuk menutup kilang-kilang mereka di sini atau menarik pelaburan mereka dari Malaysia.

"Kami mendapati daripada lawatan kami di sini, Malaysia adalah negara yang boleh dipercayai dan kami akan terus beroperasi di negara ini," katanya menerusi penterjemah selepas mesyuarat dua jam antara Dr Mahathir dengan delegasi perniagaan Kankeiren di pejabat Perdana Menteri di sini.

Shingu, yang juga pengerusi Sumitomo Metal Industries Ltd, mengetuai delegasi perniagaan persekutuan itu yang berada dalam lawatan selama 11 hari ke Thailand, Malaysia dan Singapura untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu global di abad ke-21 seperti strategi bagi pembangunan, kerjasama serantau dan cabaran mereka untuk pembangunan seterusnya.

Delegasi 24 anggota itu juga dalam misi untuk mengukuhkan hubungan ikatan antara Asean dan rantau Kansai menerusi pengkajian peranan kitaran perniagaan Jepun dan industri serta memperkenalkan rantau Kansai itu sendiri.

Menurut prospektus mengenai persekutuan itu yang diedarkan kepada pemberita, jumlah eksport Kansai ke Malaysia tahun lalu adalah 405 bilion yen manakala import berjumlah 215 bilion yen.

Shingu berkata delegasi itu kagum dengan komitmen kukuh kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Kebanyakan daripada kami (delegasi) mempunyai beberapa jenis perniagaan di Malaysia dan syarikat saya juga menjalankan operasi perniagaan di Pulau Pinang," katanya.

Apabila ditanya sama ada syarikat-syarikat Jepun terjejas teruk oleh keadaan ekonomi ketika ini, beliau berkata: "Walaupun syarikat-syarikat itu terbabit, saya tidak merasakan mereka terjejas teruk kerana 80 peratus daripadanya berorientasikan eksport."

Beliau berkata masalah ekonomi ketika ini tidak akan membuatkan syarikat menukarkan komitmen mereka ke arah Malaysia.

Antara syarikat-syarikat mewakili dalam delegasi itu adalah Matsushita Electric Industrial Co. Ltd, Hitachi Zosen Corporation, Marubeni Corporation, Daikin Industries, Mitsui & Co. Ltd, Omron Corporation, Kawasaki Heavy Industries dan Nissho Iwai Corporation. -- BERNAMA

AH ZK MA